

BAB VI

KAJIAN HASIL DAN PENDAPATAN KOMODITI PERTANIAN

A. Pengenalan

Di Malaysia, seperti di negara-negara membangun lain, pertanian dan pembangunan luar bandar adalah saling berkaitan. Oleh itu untuk meningkatkan pendapatan masyarakat penduduk luar bandar, adalah penting bagi kerajaan menambahkan pengeluaran hasil pertanian. Jadi, dalam bab ini kita akan lihat, hasil dan pendapatan setiap komoditi tanaman yang diusahakan oleh petani. Satu perbandingan seatas hasil pendapatan sebelum dan selepas projek akan dibuat supaya ia dapat mencerminkan peningkatan dalam tingkat pendapatan dan taraf hidup petani di kawasan kajian.

B. Konstrain Hasil Pengeluaran Padi


Tanaman padi di Projek ini telah dapat diusahakan dengan intensiti sebanyak 180 peratus(%) pada tahun 1987 berbanding 167 peratus(%) sebelum projek. Purata pengeluaran hasil padi sehektar adalah sebanyak 3.4 tan bagi musim 2/89 dan 3.3 tan bagi musim 1/88. Dari rajah 6.1 didapati purata pengeluaran hasil sehektar menunjukkan aliran meningkat sejak pelaksanaan projek.

Rajah 6.2 pula menunjukkan kadar hasil purata padi dikawasan PBLS sejak 1985-1990 mengikut musim I dan musim II. Diawal 1985 kadar hasil purata bagi musim I adalah 3.1 kg/hektar manakala bagi musim II bernilai 2.9 kg/hektar. Berikutan dari ini pihak PBLS telah mengambil langkah untuk meningkatkan dan menstabilkan hasil padi dengan menambahkan bekalan air ke tahap 1000 Cusec, memperluaskan projek kelompok dan mini estet. Berikutan dari ini, menjelang 1990 kadar hasil purata telah meningkat kepada 4.7 kg/hektar.

Tanaman padi musim 2/88 ditanam pada akhir tahun 1988 dan dituai pada awal tahun 1989. Seluas 9,861 000 hektar telah ditanam dalam musim tersebut dan dari jumlah itu sebanyak 79.8 peratus(%) (7,870.00 hektar) menggunakan kaedah tanam terus (rajah 6.3) manakala bakinya sebanyak 20.2 peratus(%) (1,991.00 hektar) menggunakan kaedah tanaman mengubah.

Rajah 6.1 Pencapaian Hasil Padi Di kawasan PBLS

Keluasan (hek)




|||||| Keluasan Musim 1

Keluasan Musim 2

Sumber : Ibu Pejabat PBLS

Rajah 6.2 Kadar Hasil Purata Dikawasan PBLS

Kadar Hasil purata (Kg/hek)




| // / / / | Hasil Musim 2

| | Hasil Musim 1

Sumber : Ibu Pejabat PBLS

Diagram 6.3 Peratus Tanaman Terus Di Kawasan PBLS



Peratus Bertanam Terus musim 1

Keluasan Bertanam Musim 1

Sumber: Penyelidikan.

1. Kos Pengeluaran

Purata jumlah kos pengeluaran bagi sehektar padi musim 1/88 yang diusahakan oleh pengusaha pemilik adalah sebanyak \$1,160.00 sehektar manakala bagi penyewa adalah sebanyak \$1,688.00 sehektar. Purata jumlah kos yang dibayar adalah sebanyak \$724.00 sehektar bagi pengusaha pemilik dan \$1,252.00 sehektar bagi penyewa.

Bagi tanaman musim 2/89 purata jumlah kos pengeluaran sehektar padi yang diusahakan oleh pengusaha sendiri adalah sebanyak \$1224.00, manakala bagi penyewa adalah sebanyak \$1,698.00 semusim.

2. Hasil Dan Pengeluaran

Purata hasil yang diperolehi pada musim 2/88 adalah sebanyak 3,434 kg. sehektar dengan yang tertinggi sebanyak 4,688 kg sehektar. Taburan hasil menunjukkan 66.14 peratus(%) dari pengusaha mendapat hasil purata lebih dari 3,000 kg sehektar semusim. Pada amnya, perbezaan hasil adalah disebabkan oleh gangguan bekalan air semasa mula penanam di samping serangan musuh dan penyakit.


Manakala purata hasil yang diperolehi pada musim 1/89 adalah sebanyak 3,274 kg sehektar. Taburan hasil menunjukkan 62.47 peratus(%) dari pengusaha mendapat hasil purata lebih dari 3,000 kg sehektar semusim. Dengan purata hasil yang sedemikian jumlah pengeluaran padi bagi musim tersebut untuk keseluruhan projek adalah sebanyak 57.642 tan metrik.

3. Pendapatan

Berdasarkan kepada purata hasil yang diperolehi dan jumlah kos yang dibayar sahaja, pendapatan bersih ke atas seorang pengusaha adalah sebanyak \$187.54 sebelum PBLS dan selepas perlaksanaan projek atau semasa adalah sebanyak \$616.00.

Rajah 6.4 Pendapatan Hasil Keluaran Padi Setahun Sebelum Dan Selepas PBLS

6.1 Petani



| // / / / | Pendapatan dari Padi Sebelum PBLS

| | Pendapatan dari Padi Selepas PBLS

Sumber : Penyelidikan

Dari rajah 6.4 didapati sebahagian besar dari petani menerima pendapatan tahunan kurang dari \$4500.00, sedangkan selepas perlaksanaan PBLS, 84.2 peratus(%) petani menerima pendapatan bulanan melebihi \$4500.00 setahun. Sebelum perlaksanaan PBLS 52.6 peratus(%) petani menerima pendapatan tahunan di antara \$1501-\$3000 dengan purata pendapatan bulanan sebanyak \$187.54 iaitu dibawah garis kemiskinan. Dari kajian didapati PBLS berjaya membasmi kemiskinan kerana 76 peratus(%) petani mendapat purata pendapatan \$616.00 sebulan.

c. Konstrain Hasil Pengeluaran Koko

Tanaman koko secara meluas dibawah tanaman kelapa di kawasan projek ini telah diusahakan sejak tahun enam puluhan lagi. Pada masa ini umur tanaman koko yang mengeluarkan hasil adalah diantara 4-22 tahun:

Dari kajian didapati prestasi pengeluaran koko dikawasan projek telah berkurangan berikutan dari

- a. kebanyakan tanaman koko adalah dikawasan banjaran pantai yang mempunyai tanah yang dikenal pasti sebagai marginal untuk koko.

b. Penerimaan dan penggunaan teknologi didalam perusahaan koko adalah rendah.

c. Tanaman semula koko untuk menggantikan yang tua kurang mendapat sambutan. Sungguhpun ada teknologi cantuman yang menjimatkan kos dan jangka masa pengeluaran hasil didapati kejatuhan harga koko menyebabkan petani tidak berbuat demikian.


d. Bilangan Pokok Koko Sehektar

Taburan bilangan pokok koko sehektar menunjukkan sebanyak 17.6 peratus(%) keluarga tani menanam kurang dari 150 pokok sehektar, 6.28 peratus(%) antara 450-520 pokok, 21.04 peratus(%) mempunyai antara 501-700 pokok manakala 54.92 peratus(%) melapurkan menanam lebih dari 700 pokok sehektar.

e. Hasil Pengeluaran

Purata hasil koko basah yang diperolehi sepanjang tahun ditunjukkan oleh rajah 6.6. Secara puratanya skil pengeluaran koko telah mengalami peningkatan dengan adanya inovasi-inovasi dalam bidang penanaman.

Rajah 6.5 : Hasil Pengeluaran Koko



Sumber : Hasil Penyelidikan

Carta 6.5 menunjukkan sebahagian besar dari pekebun koko amnya memperolehi keluaran kurang dari 466kg setahun. Taburan hasil koko turut menunjukan cuma 8.66 peratus(%) responden yang mendapat hasil lebih 1870 kg.

Kos Pengeluaran

Purata jumlah kos input yang dibeli adalah sebanyak \$1.00. Mengikut kajian, hanya 7.0 peratus(%) keluarga tani berportan membeli baja, 31.0 peratus(%) membeli racun padi, dan 4.0 peratus(%) membeli racun serangga . Pada masaannya petani-petani menjalankan aktiviti pengurusan tanah secara sendiri. Oleh itu tiada kos-kos buruh yang dibanggung oleh petani.

Pendapatan

Dengan purata hasil keseluruhan projek sebanyak 936 kg koko basah sehektar dan purata harga \$1.15 kg, pendapatan bersih pekebun kecil koko adalah pada purata \$840.00 per hektar setahun. Pendapatan dari koko sebelum PBLS dan selepas perlaksanaan projek dapat digambarkan oleh jadual

Jadual 6.1 Pendapatan Dari Koko Sebelum Dan Selepas PBLS
(1991)

Pendapatan Sehektar setahun	Peratusan petani Sebelum PBLS (%)	Peratusan petani Selepas PBLS (%)
0 - 1000	45	81.8
1001 - 2000	18.2	18.2
2001 - 3000	9.2	-
3001 - 4000	9.2	-
4001 - 5000	9.2	-
> 8000	9.2	-
Jumlah	100	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Kajian menunjukkan, walaupun penggunaan teknologi moden berleluasa dalam penanaman koko, berikutan dari kejatuhan harga koko telah menyebabkan pendapatan dari komoditi ini turut dengan banyaknya. Sebelum PBLS secara purata pekebun kecil koko memperolehi pendapatan \$1001-2000 sehektar setahun. Manakala kini 81.8 peratus(%) petani hanya mampu memperolehi pendapatan kurang dari \$1000 sehektar setahun. Ini menunjukkan walaupun usaha memperbaiki sistem penanaman koko berjaya tetapi masalah pendapatan rendah dikalangan pekebun kecil koko tetap wujud akibat kejatuhan harga koko.

II : Tanaman Koko Jenis ICS ' 84 95 PBC 137 139 Yang Sedang Berbuah



Demonstrasi Pengeluaran Kelapa

Purata hasil kelapa ialah sebanyak 6,449 biji liter. Bagi tanaman ini hasil yang dikeluarkan berkait dengan harga. Misalnya semasa harga kelapa terlalu mahal pengeluaran kelapa bagi tujuan jualan setiap unit akan menurun kerana petani hanya membiarkan kelapa gugur sahaja. Oleh itu 'tendency' pengeluaran turun naik akibat perubahan harga ketara bagi tanaman ini.

Bilangan Pokok Kelapa Sehektar

Taburan bilangan pokok kelapa sehektar menunjukkan bahawa 8.5 peratus(%) keluarga tani menanam kurang dari 75 pokok kelapa sehektar, 4.5 peratus(%) antara 75-100 pokok, 14.5 peratus(%) sekitar 101-125 pokok, 47.2 peratus(%) dalam kategori 126-150 pokok dan 31.5 peratus(%) melaporkan mempunyai lebih 150 pokok sehektar.

Hasil Pengeluaran

Purata hasil kelapa yang diperolehi sepanjang tahun 1990 dilaporkan sebanyak 6,449 biji sehektar. Taburan hasil kelapa sehektar menunjukkan 38.65, peratus(%) keluarga tani memperolehi purata hasil antara 2,785-5,575 biji sehektar setahun. 17.63 peratus(%) memperolehi antara 5,576-8,360 biji, 13.53 peratus(%) memperolehi 8,361-11,145 biji sehektar setahun.

Kos Pengeluaran

Purata kos yang dibayar adalah sebanyak \$420.00 sehektar iaitu bagi kos memetik dan mengopek. Kos ini adalah berdasarkan kadar upah \$6.50/100 biji bagi kedua-dua aktiviti tersebut dan purata hasil 6449 biji sehektar. Bagi tanaman kelapa, kos input tidak diambilkira kerana hanya akan dikira pada tanaman koko sahaja ini adalah untuk pengelakkan pengiraan dua kali disebabkan kedua-dua tanaman koko dan kelapa adalah pada unit tanah yang sama.

Pendapatan

Berdasarkan purata harga \$12.44 setiap 100 biji dan purata hasil 64.49 biji sehektar, pendapatan bersih seorang pekebun kecil kelapa adalah sebanyak \$382.00 sehektar dibawah kawasan kajian. Pendapatan yang diterima oleh pekebun kecil kelapa dikawasan kajian sebelum dan selepas PBLS dapat digambarkan oleh jadual 6.2

Jadual 6.2 : Menunjukkan Pendapatan Kelapa Sebelum Dan Selepas PBLS.

Pendapatan Hektar Setahun	Bilangan Petani Sebelum PBLS (%)	Bilangan Petani Selepas PBLS (%)
0 - 2000	89.47	68.42
2001 - 4000	5.26	15.79
4001 - 6000	5.26	10.52
>6001	-	5.26
Jumlah	\$100	\$100

Dari kajian diatas didapati kurang 89 peratus(%) petani menerima pendapatan diantara 0 - \$2000 setahun sehektar dari komoditi kelapa. Sedangkan selepas perlaksanaan PBLS ataupun kini seramai 68.42 peratus(%) petani memperolehi pendapatan diantara 0-\$2000, 15.79 peratus(%) dari \$2001-4000, 10.52 peratus(%) memperolehi diantara \$4001-\$6000, sedangkan 5.26 peratus(%) pula menerima pendapatan melebihi \$6001 setahun. Ini jelas menggambarkan disamping peningkatan dalam pendapatan taraf hidup petani turut mencapai satu keadaan yang lebih baik.

P. Tanaman kelapa sawit

Purata hasil kelapa sawit dikawasan projek pada tahun 1990 adalah disekitar 9.9 tan (ffb) sehektar. Hasil pengeluaran pada masa-masa yang lalu dapat ditingkat dari setahun kesetahun tetapi pada masa-masa akan datang pengeluaran mungkin tidak dapat ditingkatkan memandangkan kebanyakan kawasan tanaman kelapa sawit adalah terdiri dari kawasan yang bersifat asid sulfat. Disamping masalah tanah didapati juga pengurusan tanaman yang kurang memuaskan menyebabkan hasil tidak dapat ditingkatkan dengan banyak.

I. Hasil Pengeluaran

Purata hasil kelapa sawit yang diperolehi sepanjang tahun 1990 adalah sebanyak 9,894 kg sehektar. Jadual 6.3 menunjukkan taburan hasil kelapa sawit mengikut petani

Jadual 6.3 Taburan Hasil Kelapa Sawit

Hasil (kg)	Peratus Petani(%)
< 4 741	28.57
4741-9480	24.18
9 487-14220	24.18
> 14220	23.7
Jumlah	100

Sumber : Kajian Penyelidikan

Taburan hasil kelapa sawit menunjukkan 28.57% keluarga tani mendapat kurang daripada 4741 kg sehektar dan cuma 23.7% keluarga tani yang memperolehi hasil lebih dari 14 200 sehektar.

2. Kos Pengeluaran

Purata jumlah kos input yang dibeli dilaporkan sebanyak \$253.00 sehektar. Mengikut analisa hanya 17 peratus(%) keluarga tani melaporkan membeli baja dan 40 peratus(%) membeli racun rumpai. Sama juga dengan jenis tanaman lain dimana tiada aktiviti buruh upahan.

3. Pendapatan

Dengan purata hasil keseluruhan sebanyak 9.894 kg sehektar dan purata harga \$8.50/100 kg, pekebun kecil kelapa sawit memperolehi pendapatan bersih sebanyak \$576.00 sehektar setahun.

Pendapatan yang diterima oleh pekebun sebelum PBLS dan selepas adalah tidak banyak berbeza kerana komoditi ini sebahagian besar adalah dibawah sektor estet dan inovasi-inovasi baru MARDI tidak banyak melibatkan komoditi ini.

4. Pendapatan komoditi Pertanian Sebelum Dan Selepas PBLS


Kajian menunjukkan 100 peratus keluarga tani yang terlibat bergantung keatas pendapatan ladang sebagai punca pendapatan. Dengan itu sumbangan pendapatan keseluruhan keluarga tani meliputi pendapatan dari tanaman utama, pendapatan sampingan, perternakan dan pendapatan dari bukan pertanian.

Carta 6.6 mengambarkan perbandingan purata pendapatan keluarga tani sehektar/setahun sebelum dan selepas perlaksanaan PBLS.

Nota 6.6 Pendapatan Sebelum Dan Selepas PBLS
(Sehektar / Setahun)

Pendapatan Sebelum PBLS

Pendapatan Selepas PBLS



Analisis

Padi	K/Sayur
Kelapa	Sayur - Sayuran
Buah - Buahan	Koko
Penternakan	Belanja Pertanian

perbandingan sumbangan pendapatan dari tanaman utama dan kegiatan sampingan keatas keseluruhan pendapatan keluarga tani menunjukkan terdapat peningkatan yang ketara iaitu dari purata \$2,683.16 setahun kepada \$6336.44 setahun. Dengan peningkatan sebanyak 124 peratus(%) yang dasarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran dan harga. Kedua-dua faktor perkiraan nampaknya sangat mempengaruhi pendapatan keluarga tani di kawasan kajian.

Dari segi penghasilan ladang, tidak dapat dinafikan purata pendapatan dari pengeluaran ladang telah meningkat berbanding dengan sepuluh tahun sebelumnya. Terutamanya peningkatan dalam pendapatan yang diterima dari hasil pengeluaran padi adalah 106%, kelapa 5.5%, dan kelapa sawit 38.9%. Kenaikan harga komoditi kelapa sawit telah mengakibatkan keluarga tani yang terlibat dalam penanaman koko, kelapa dan getah menggantikan tanaman tersebut dengan kelapa sawit.

Kenaikan purata pendapatan keluarga tani menyebabkan peningkatan dalam pendapatan perkapita sebulan. Iaitu dari \$236 sebulan kepada \$633.60 sebulan menjelang 1990.

Jadual 6.4 Hasil Pendapatan Dan Kemiskinan

Anggaran Hasil Dalam Tan/Hektar

Tahun	Padi	Kelapa	Koko	K/Sawit	Getah
	Musim 1	Musim 2			
1988	3.290	3.552	0.969	0.403	12.78
1989	3.397	3.625	0.976	0.418	13.37
1990	3.500	3.700	0.983	0.434	14.00
1991	3.680	3.848	0.990	0.450	10.85
1992	3.870	4.001	0.955	0.465	13.71
1993	4.070	4.161	0.922	0.481	13.56
1994	4.279	4.327	0.890	0.497	13.42

Sumber : Ibu Pejabat PBLS

8. Kesimpulan

Secara keseluruhan, pembangunan pertanian telah berjalan dengan pesat di kawasan kajian. Disamping peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian, pendapatan keluarga tani, dan taraf hidup petani turut bertambah baik.